



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : PSUKPP/26/2023

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang berikut:

- 010301 - Penerbitan Dan Penyiaran / Peralatan Penerbitan / Pencetakan / Peralatan Percetakan Serta Aksesori; dan**
- 221502 - Perkhidmatan / Penyewaan Dan Pengurusan / Mesin Dan Peralatan Pejabat.**

serta masih sah tempoh lakunya dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi sebut harga berikut:

PERKHIDMATAN PENYEWAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN PENYALIN BAGI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN

2. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **22 Ogos 2023 (Selasa)**.
3. Dokumen Sebut Harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **pada atau sebelum 29 Ogos 2023 (Selasa) pukul 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Seksyen Perolehan, Paras 30 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
4. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda

No. Sebut Harga: PSUKPP/26/2023

atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

5. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web **<http://ep.penang.gov.my>**.

Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang